

26/06/2001

PM harap Dr Ling tidak balas dendam

Zulkofli Jamaludin; Abdul Halim Yusof

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, meminta ahli MCA kembali bersatu dan berharap Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak membalas dendam terhadap pihak yang tidak menyokong pembelian Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang).

Perdana Menteri berkata, perwakilan MCA sudah membuat keputusan dan majoritinya sama ada kecil atau besar, sudah meluluskan pembelian Nanyang.

"Saya harap perkara ini tidak akan menjadi faktor pemecah kerana isu ini sudah selesai.

"Mereka kini seharusnya menumpukan kepada usaha memperkuatkan diri mereka," katanya ketika mengulas keputusan Mesyuarat Agung Luar Biasa MCA yang meluluskan usul pembelian Nanyang, semalam.

Mesyuarat itu meluluskan pembelian Nanyang oleh sayap pelaburan parti berkenaan, Huaren Holdings Sdn Bhd, dengan 1,176 atau 53 peratus perwakilan bersetuju manakala 1,019 (46 peratus) menentang.

Seramai 2,385 ahli layak mengundi pada mesyuarat itu, tetapi hanya 2,216 yang hadir. Pengundian dan pengiraan undi berjalan lancar, walaupun berlaku tolak menolak membabitkan penyokong kedua-dua kem.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, segelintir masyarakat Cina mendakwa apa yang dikatakan menggambarkan pandangan masyarakat itu.

"Suqiu (Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina) setiap masa mendakwa mewakili pandangan masyarakat Cina.

"Saya tidak tahu sama ada dakwaan itu benar, tetapi mereka akan menemui masyarakat Cina sekali lagi, menentang kerajaan dan menyokong DAP," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak terbabit tidak gembira kerana dalam pilihan raya umum lalu masyarakat Cina memberi sokongan padu kepada kerajaan dan kali pertama Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan timbalannya, Karpal Singh tewas di kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

"Kini DAP bekerjasama dengan Suqiu, guru sekolah Cina dan beberapa organisasi untuk menggambarkan kerajaan anti Cina, termasuk membangkitkan isu yang sudah diselesaikan," katanya.

Beliau berkata, kumpulan terbabit juga tidak mahu melihat murid Cina bergaul dengan murid Melayu di Sekolah Wawasan.

"Kita cuba membina negara dan mahu kanak-kanak semua kaum bermain dan belajar bersama, tetapi kanak-kanak Cina tidak mahu pergi ke sekolah kebangsaan.

"Sekurang-kurangnya mereka boleh pergi sekolah Wawasan, tetapi kumpulan terbabit menakutkan masyarakat Cina dengan penubuhan sekolah itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua usaha kerajaan termasuk pembelian Nanyang oleh Huaren kini menjadi isu masyarakat Cina, yang tidak mahu akhbar berkenaan dikuasai parti politik.

"Apakah sekolah Cina tidak boleh dibina berhampiran sekolah kebangsaan, murid Cina tidak boleh bercampur dengan murid Melayu dan India ini dipanggil hak istimewa Cina," katanya.

Mengenai pengambilalihan akhbar Cina, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menyokong supaya satu kumpulan menguasai semua akhbar harian Cina.

"Saya tidak menyokong idea itu, tetapi bagi saya semua orang sepatutnya berpeluang membeli saham dalam akhbar.

"Saya dapati ada banyak akhbar Cina berpihak kepada pembangkang seolah-olah dikendalikan pembangkang," katanya sambil memberi contoh laporan

pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas.

Dr Mahathir berkata, apa saja berita yang berpihak kepada pembangkang akan diperbesarkan supaya masyarakat Cina tidak menyokong kerajaan.

Mengenai hasratnya melantik setiausaha politik dan akhbar dari kaum Cina, Perdana Menteri berkata, beliau perlu mempunyai pegawai itu untuk berkomunikasi dengan akhbar berbahasa Cina.

"Ia sudahpun disiapkan dan (pelantikan mereka) akan diumumkan tidak lama lagi," katanya.

(END)